



12 mukim terajui pelaksanaan Program Mukim Komuniti Rabbani

MoU YIK-KATA buka peluang anak Kelantan lanjut pengajian ke Korea

Hak kanak-kanak perlu diperkasa dengan nilai Islam, bukan sekadar hak asasi – Dato' Mumtaz

'U-turn' Melor ditutup demi keselamatan, JKR kaji lokasi baharu – YB Wan Rohimi

Islam tidak larang seni budaya tetapi mesti berpandukan syariat - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 5 Julai – Islam tidak melarang seni dan budaya kerana kedua-duanya merupakan sebahagian daripada fitrah manusia yang memenuhi keperluan emosi dan perasaan, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud.

Walau bagaimanapun, beliau mengingatkan Islam menetapkan panduan yang jelas supaya setiap amalan budaya dipandu oleh wahyu Allah SWT serta berkembang dalam lingkungan nilai, adab dan akhlak yang mulia.

Menurutnya, dalam kaedah fiqh disebut hukum asal bagi adat kebiasaan adalah harus selagi tiada dalil yang mengharamkannya.

"Prinsip itu menjadi pedoman Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengurus, menilai dan memelihara warisan seni budaya sejak sekian lama.



"Kita tidak menolak seni mahupun budaya hanya kerana ia bersifat tradisi tetapi kita berusaha memurnikan dan memeliharanya agar terus subur selari dengan tuntutan syariat Islam."

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Penutupan Program Pelancongan Budaya: Festival Kesenian Rakyat Kelantan (FKRK) 2026 yang diadakan di Jeti Pelancongan Tok

“

Kita tidak menolak seni mahupun budaya hanya kerana ia bersifat tradisi tetapi kita berusaha memurnikan dan memeliharanya agar terus subur selari dengan tuntutan syariat Islam,”

Bali, di sini, semalam.

Tambahnya sebelum ini terdapat beberapa persembahan tradisi negeri yang tidak dibenarkan kerana mengandungi unsur yang bercanggah dengan syariat.

Namun, katanya, apabila unsur berkenaan tidak lagi diamalkan dan persembahan terbabit telah dimurnikan, Kerajaan Negeri tidak mempunyai halangan untuk membenarkannya dipersembahkan sem-

ula.

Beliau turut menegaskan, Islam hadir untuk mendidik dan membentuk manusia supaya menjadi insan yang mengabdikan diri kepada Allah SWT serta berakhlak mulia.

Tambahnya, Islam merupakan cara hidup yang sempurna yang memandu manusia ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.



12 mukim terajui pelaksanaan Program Mukim Komuniti Rabbani

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 6 Julai – Sebanyak 12 mukim dari seluruh Kelantan dipilih menerajui pelaksanaan Program Mukim Komuniti Rabbani (Mukim K-Rabb) bagi memperkukuh pembinaan komuniti berteraskan nilai ilmu, akhlak dan perpaduan sejajar agenda pembangunan insan negeri.

Program yang dilancarkan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan pada Majlis Pelancaran Mukim Komuniti Rabbani (Mukim K-Rabb) itu berlangsung di Dewan Besar Yayasan Islam Kelantan (YIK), di sini, hari ini.

12 mukim yang dipilih ialah Mukim Selehong (DUN Kelabaran), Tebing Tinggi (DUN Chempaka), Zon Kampung Dusun (DUN Kota Lama), Kubang Bemban (DUN Pengkalan Pasir), Gual Perik (DUN Gual Perik), Beta Hulu (DUN Salor), Padang Kala (DUN Melor), Belimbing (DUN Bukit Panau), Tok Kamis (DUN Gaal), Wakaf Bata (DUN Temangan), Sungai Long (DUN Kuala Balah) dan Sungai Terah (DUN Galas).

Dato' Dr Mohamed Fadzli berkata, konsep Rabbani menjadi asas pembentukan insan Islam yang berilmu, berakidah benar, berakhlak



mulia serta mampu memimpin masyarakat mengikut panduan al-Quran dan sunnah.

“Islam datang untuk mendidik manusia menjadi insan yang berperanan. Seorang Islam mesti mempunyai akidah yang betul, syahsiah yang baik, mampu bermuamalah dengan manusia lain serta menzahirkan akhlak seorang Muslim sebenar.

“Kerajaan negeri memperkenalkan sembilan teras penghayatan Rabbani sebagai strategi membentuk masyarakat. Hasil penelitian para ulama terhadap pelbagai kitab tafsir, seorang Rabbani ialah individu yang memiliki ilmu agama yang mantap, mempunyai hubungan kukuh dengan Allah SWT, menyebarkan ilmu kepada masyarakat serta mampu memimpin dan menyelesaikan masalah umat,” katanya ketika merasmikan program tersebut.

Beliau berkata, nilai Rabbani perlu diterjemahkan sehingga ke akar umbi supaya usaha membangunkan masyarakat bukan hanya berlaku di peringkat dasar, sebaliknya dapat dirasai oleh komuniti di setiap mukim.

Sementara itu, Pengarah Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) Dr. Azizi Umar berkata, pelaksanaan Mukim K-Rabb merupakan kesinambungan kepada pelbagai inisiatif pembangunan insan yang dimulakan kerajaan negeri sejak pelancaran Budaya Komuniti Rabbani pada tahun 2022 serta Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

Menurutnya, ILDAN terlebih dahulu memberi latihan kepada kepimpinan penghulu sebelum berjaya melatih lebih 60 mentor atau penasihat K-Rabb yang sebahagian besarnya terdiri daripada guru-guru Yayasan Islam Kelantan (YIK).

“Kita mahu roh Rabbani ter-

us dirasai sehingga ke peringkat mukim. Jurulatih yang dilatih turut melaksanakan ceramah K-Rabb menerusi Program Bina Ummah, selain mendekati generasi muda melalui pertandingan video kreatif bagi membina komuniti digital yang memahami nilai Rabbani,” jelasnya.

Beliau berkata, Program Mukim Komuniti Rabbani menjadikan masjid mukim sebagai pusat penyatuan komuniti dengan matlamat membentuk masyarakat yang sejahtera, berilmu, berakhlak dan bersatu padu berteraskan nilai-nilai Rabbani.

Katanya, pelaksanaan program itu mengambil pengalaman daripada projek rintis yang telah dilaksanakan di Kampung Takang, DUN Tawang di Bachok serta Mukim Manjor, DUN Manek Urai di Kuala Krai, sebelum diperluaskan ke 12 mukim terpilih di seluruh negeri.

120 peserta sertai taklimat Program Dapur Hijau jajahan Bachok

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 Julai – Sebanyak 120 peserta menyertai Taklimat Program Dapur Hijau Peringkat Jajahan Bachok yang berlangsung di perkarangan Pusat Khidmat Dewan Negeri (PKD) Jelawat pada Selasa.

Program tersebut dirasmikan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail. Turut hadir Ahli Dewan Negeri (ADN) Jelawat YB Zambri Mat Nawang, ADN Tawang Harun Ismail dan Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusof.

Sehubungan itu, Dato' YB Tuan Mohd Saripudin berkata, inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada usaha kerajaan negeri memperkukuh agenda keterjaminan



makanan melalui pembudayaan amalan bercucuk tanam di peringkat isi rumah.

Katanya, program berkenaan mengangkat tema “Keluarga Bertani, Sihat Harmoni” bagi menggalakkan lebih ramai masyarakat mengusahakan kebun mini di kediaman masing-masing.

“Sebanyak 40 peserta dipilih bagi setiap DUN di jajahan Bachok menyertai taklimat ini sebagai per-

sediaan untuk melaksanakan projek Dapur Hijau di kediaman masing-masing.

“Peserta turut diberikan pendedahan berkaitan teknik penanaman serta pengurusan kit pemula yang mengandungi benih, baja, polibeg dan medium tanaman,” katanya menerusi media sosial pada, semalam

Beliau berharap program berkenaan dapat menyemarakkan budaya satu keluarga, satu kebun

mini, sekali gus melahirkan lebih ramai keluarga yang berdikari, mengurangkan kos sara hidup dan menyumbang kepada keterjaminan makanan negeri.

Pada masa sama, beliau merakamkan penghargaan kepada Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBC) dan Jabatan Pertanian Kelantan atas komitmen menjayakan Program Dapur Hijau yang memberi manfaat kepada rakyat.

MoU YIK-KATA buka peluang anak Kelantan lanjut pengajian ke Korea

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 8 Julai – Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Korea Aviation Technical Academy (KATA) membuka lembaran baharu dalam pembangunan pendidikan negeri apabila Kerajaan Negeri Kelantan bakal menghantar kumpulan pertama pelajar ke Republik Korea bagi mengikuti pengajian dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, kerjasama strategik tersebut merupakan satu langkah penting dalam memperluaskan akses pendidikan antarabangsa kepada anak-anak Kelantan, khususnya dalam bidang teknikal dan kemahiran berimpak tinggi.

Menurutnya, inisiatif itu dijangka membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu, pengalaman serta kemahiran di peringkat global sekali gus mel-



ahirkan modal insan yang berdaya saing.

Beliau berkata demikian dalam media rasminya selepas menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara YIK dan KATA yang berlangsung semalam.

Majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Dato' Hassan, bersama Pengerusi Korea Aviation Technical Academy Mr. Choi Jin-cheol, serta disaksikan oleh Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar.

Dalam pada itu, Dato' Wan Roslan berkata, kerjasama antara

YIK dan KATA membuktikan komitmen Kerajaan Negeri untuk terus memperkukuh agenda pendidikan melalui jaringan antarabangsa yang mampu memberi nilai tambah kepada pembangunan modal insan negeri.

Katanya lagi, pendedahan kepada sistem pendidikan dan latihan di luar negara akan membolehkan pelajar memperoleh pengalaman baharu serta menguasai kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan masa kini.

Tambahnya, bidang Kejuruteraan Mekanikal yang bakal diikuti oleh kumpulan pertama pelajar di Republik Korea juga berpotensi melahirkan tenaga mahir yang

dapat menyumbang kepada pembangunan sektor industri dan teknologi pada masa hadapan.

Sehubungan itu, beliau berharap kerjasama tersebut menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai anak Kelantan yang cemerlang dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan, di samping mengangkat nama negeri di peringkat antarabangsa.

“Usaha ini membuka peluang pendidikan yang lebih luas kepada anak-anak Kelantan dan menjadi pelaburan jangka panjang dalam melahirkan generasi berkemahiran tinggi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara,” jelasnya.



Penganjur program hiburan di restoran tepi Sungai Kelantan dikompaun, berdepan tindakan undang-undang



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 Julai – Penganjur program hiburan disko ‘retro’ dan ‘hippie’ ala 60-an serta 70-an yang dipercayai diadakan di sebuah restoran di tebing Sungai Kelantan berdepan tindakan undang-undang selepas didapati tidak mempunyai kelulusan daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

Sehubungan itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata tindakan tersebut

diambil susulan penularan video berdurasi 40 saat pada Selasa yang memaparkan sekumpulan pengunjung menari beramai-ramai dalam program berkenaan.

Katanya, rentetan itu juga Pengarah Bahagian Perlesenan dan Kawalan Perniagaan bersama pasukan penguat kuasa MPKB-BRI menjalankan operasi serta siasatan pada petang tadi.

“Hasil siasatan selepas mengambil keterangan daripada saksi dan pihak terbabit mendapati penganjur program hiburan itu tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan kepada MPKB-BRI,” katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, penganjur didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 7(1)(a) Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2025 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM50,000 dan penjara tidak

melebihi lima tahun.


Selain itu, penganjur turut didakwa melanggar Seksyen 20(1)(a) enakmen sama kerana menjual tiket hiburan tanpa lesen yang sah, yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM10,000 dan penjara tidak melebihi tiga tahun.

Jelas YB Hilmi lagi, pemilik premis perniagaan juga boleh dikenakan kompaun serta berdepan pembatalan lesen perniagaan kerana melanggar syarat lesen di bawah Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian MPKB-BRI 2019.

“Berikutan itu, beberapa notis kompaun telah dikeluarkan kepada penganjur dan pemilik premis di bawah Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2025 serta Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian MPKB-BRI 2019,” tegasnya.

Tambahnya, kerajaan negeri kekal konsisten dalam memastikan adab, budaya dan akhlak, khususnya dalam kalangan generasi muda, sentiasa dijaga dan dipelihara.

“Kerajaan negeri juga bersedia membimbing serta membantu mana-mana pihak yang ingin mengemukakan sebarang bentuk acara hiburan supaya mematuhi peraturan dan garis panduan hiburan yang diterima pakai oleh pihak berkuasa tempatan di seluruh Kelantan,” ujarnya.



FKRK 2026 himpункan warisan budaya dan penggiat seni

Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 5 Julai - Festival Kesenian Rakyat Kelantan 2026 (FKRK) merupakan platform menghimpunkan warisan budaya dan penggiat seni di negeri ini, kata Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud.

Beliau memaklumkan, festival itu juga ialah wadah perkongsian ilmu, menggerakkan ekonomi rakyat serta memperkenalkan keunikan sebenar Kelantan kepada pelawat dari dalam dan luar negeri.

Menurutnya, Kelantan sememangnya dikenali sebagai Serambi Mekah, namun pada masa sama turut terkenal sebagai negeri yang kaya dengan warisan budaya Melayu.

"Kedua-dua identiti ini tidak pernah bercanggah. Malah, sejarah telah membuktikan bahawa perkembangan Islam di Kelantan turut menyuburkan tradisi ilmu, seni, bahasa dan budaya yang berteraskan nilai-nilai Islam."

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Penutupan Program Pelancongan Budaya: Festival Kesenian Rakyat Kelantan (FKRK) 2026 yang diadakan di Jeti Pelancongan Tok Bali, di sini, semalam.



Kata beliau lagi, warisan budaya Kelantan seperti seni persembahan, permainan tradisional, pertukangan, kraftangan dan makanan tradisional merupakan khazanah bernilai yang mencerminkan kebijaksanaan serta falsafah hidup masyarakat Melayu dan wajar dipelihara untuk generasi akan datang.

Tambahnya, antara yang menjadi daya tarikan dalam FKRK 2026 ialah usaha menghidupkan semula permainan rakyat seperti gasing uri, congkak, dam aji, ting-ting serta pelbagai permainan tradisional lain yang suatu ketika dahulu menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.

Dato' Mohd Nassuruddin menegaskan, dalam era digital hari ini, usaha menghidupkan kembali permainan tradisional merupakan ikhtiar yang amat baik, khususnya bagi

mengimbangi gaya hidup generasi muda yang semakin dipengaruhi teknologi.

"Hakikatnya, ramai anak muda hari ini sudah tidak lagi mengenali, apatah lagi pandai bermain permainan tradisional yang pernah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat kita," tegasnya.

Tambahnya, warisan budaya tidak seharusnya dianggap sekadar tinggalan sejarah untuk dipamerkan di muzium atau dikenang sebagai nostalgia sebaliknya perlu dilihat sebagai khazanah bernilai tinggi yang mampu menjadi pemangkin kepada pengukuhan identiti negeri.

Atas dasar itu katanya, kerajaan negeri sentiasa melihat sektor pelancongan budaya sebagai antara komponen penting dalam pembangunan negeri.

"Kita tidak mahu pelancongan

hanya berlegar pada destinasi, keindahan alam dan tempat bersejarah semata-mata. Tetapi pelancongan juga perlu menawarkan pengalaman, nilai dan jati diri sesuatu tempat agar para pengunjung membawa pulang sesuatu yang berharga mengenai keunikan Kelantan ke negeri dan negara mereka," katanya.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Nor, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Dato' Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Pengarah JKKN Malaysia, Mohd Radzi Omar dan Pengarah JKKN Negeri Kelantan Rohaniza Abdullah.

Permohonan Skim Cakna Aulad 2026 dibuka

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 6 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) membuka permohonan Skim Cakna Aulad 2026 bermula 1 Julai hingga 20 Julai 2026 sebagai usaha berterusan menjaga kebajikan bayi kelahiran negeri ini.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, Skim Cakna Aulad yang diperkenalkan sejak 2019 merupakan inisiatif kebajikan kerajaan negeri bagi meraikan kelahiran anak-anak Kelantan yang bakal menjadi pelapis kepimpinan agama, masyarakat dan negara pada masa hadapan.

Menurutnya, skim berkenaan turut bertujuan membudayakan amalan menabung dalam kalangan ibu bapa sejak awal kelahiran anak



sebagai persediaan masa depan yang lebih terancang.

"Sehingga tahun 2019 hingga 2025, seramai 8,955 ibu dan bayi telah menerima manfaat dengan jumlah peruntukan RM777,650.00," katanya menerusi media rasmi, hari ini.

Bagi pelaksanaan tahun 2026, sebanyak 1,350 bayi kelahiran di Kelantan disasarkan menerima manfaat skim tersebut, melibatkan 30 penerima bagi setiap Dewan

Negeri (DUN) di seluruh negeri.

Manfaat yang ditawarkan adalah berupa tajaan pembukaan Akaun Tabungan Emas bernilai RM100 bagi setiap bayi yang layak.

Beliau berkata, skim itu simbol penghargaan kerajaan negeri kepada keluarga yang menerima cahaya mata baharu dan menjadi pemangkin kepada perancangan kewangan keluarga yang lebih sistematik.

Syarat kelayakan menetapkan bayi mestilah dilahirkan di Negeri Kelantan serta mengemukakan dokumen seperti salinan kad pengenalan ibu bapa, MyKid atau sijil kelahiran bayi, dan dokumen berkaitan lain.

Permohonan boleh diperoleh di Pejabat ADUN masing-masing dan perlu dikemukakan kepada U-KeKWa sebelum 20 Julai 2026. Permohonan yang tidak lengkap atau mengandungi maklumat meragukan tidak akan diproses.

Pelaksanaan skim ini turut melibatkan kerjasama NGO Beliawanis DUN serta Kelantan Gold Trade.

"Orang ramai yang mempunyai bayi kelahiran di Negeri Kelantan diseru untuk mengambil peluang permohonan ini bagi memastikan generasi baharu terus mendapat perhatian dan sokongan sejak awal kehidupan," ujarinya.

RM675,000 untuk TRS 3.0, dijangka memanfaatkan lebih 2,700 calon SPM Kelantan - Exco Pendidikan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 7 Julai — Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM675,000 bagi melaksanakan Program Tuisyen Rakyat Sejahtera (TRS) 3.0 tahun ini yang dijangka memberi manfaat kepada lebih 2,700 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh negeri.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, peruntukan sebanyak RM15,000 bagi setiap 45 Dewan Undangan Negeri (DUN) itu membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkasa agenda pendidikan rakyat, khususnya membantu calon SPM meningkatkan pencapaian akademik.

Menurutnya, program yang memasuki tahun ketiga pelaksanaannya itu bakal melibatkan lebih 60 pelajar bagi setiap DUN dengan bimbingan akademik yang lebih tersusun menerusi empat mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

“Kerajaan Negeri memperun-



tukkan RM15,000 bagi setiap DUN untuk pelaksanaan program ini. Dengan penglibatan 45 DUN di seluruh Kelantan, lebih 60 orang pelajar bagi setiap DUN akan menerima manfaat daripada pelaksanaan Tuisyen Rakyat Sejahtera 3.0,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran dan Taklimat Pelaksanaan Tuisyen Rakyat Sejahtera 3.0 Kelantan di Dewan Besar Yayasan Islam Kelantan (YIK), di sini, hari ini.

Katanya lagi, pemilihan empat mata pelajaran berkenaan dibuat kerana ia merupakan subjek teras yang memberi pengaruh besar terhadap pencapaian keseluruhan calon dalam peperiksaan SPM.

Tambahnya, program itu diharapkan dapat memperkukuh pen-

guasaan asas, meningkatkan kefahaman serta membina keyakinan pelajar untuk menghadapi peperiksaan.

“Program seperti ini amat penting sebagai satu bentuk sokongan tambahan kepada sistem pendidikan sedia ada supaya pelajar lebih bersedia dan tidak tercicir daripada peluang untuk mencapai kejayaan,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata kejayaan pelaksanaan TRS 3.0 bergantung kepada kerjasama strategik pelbagai agensi termasuk Yayasan Islam Kelantan (YIK), Institut Latihan Darul Naim (IL-DAN), Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Majlis Guru Cemerlang Negeri Kelantan serta Pusat Khidmat DUN (PKD) di seluruh negeri.

Menurutnya, penyelarasan yang sistematik antara semua agensi pelaksana penting bagi memastikan bantuan pendidikan itu sampai kepada kumpulan sasar serta dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program tersebut dan berharap TRS 3.0 terus menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi Kelantan yang berilmu, berakhlak, berdaya saing serta mampu menyumbang kepada agama, negeri dan negara.

Turut hadir, Pengerusi Badan Backbenchers Club (BBC) Negeri Kelantan YB Dato' Abd Rahman Yunus serta Timbalan Pengarah (Akademik) Yayasan Islam Kelantan (YIK) Sukeiri Husin.

Pengurusan sistematik, kegigihan kunci kejayaan Koperasi Zulmas



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Julai – Pengurusan sistematik, pengalaman serta kegigihan lebih 30 tahun menjadi faktor utama kejayaan Koperasi Zulmas sebagai antara perusahaan penternakan ayam yang berjaya di Machang.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kejayaan perusahaan keluarga itu membuktikan usaha berterusan, pengalaman serta istiqamah mampu melahirkan perusahaan yang berkembang maju.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di media sosial selepas mengadakan lawatan ke Koperasi Zulmas di Kampung Kemahang, Machang bagi meninjau operasi penternakan ayam, pada Isnin.

Menurutnya, hasil lawatan mendapati anak ayam berusia 14 hari membesar dengan baik dan dijangka boleh dipasarkan dalam tempoh kira-kira 20 hari lagi. Manakala ayam berusia antara 34 hingga 35 hari pula telah mencapai berat sekitar dua kilogram seekor.



“Pengurusan yang sistematik serta penjagaan rapi jelas menjadi faktor kejayaan perusahaan ini,” katanya.

Tambahnya, Koperasi Zulmas kini mampu menternak kira-kira 130,000 ekor ayam pada satu-satu masa hasil usaha gigih pengusaha bersama ahli keluarga.

“Kejayaan koperasi itu memperkukuh industri penternakan tempatan dan turut menyumbang kepada bekalan ayam daging negara serta agenda keterjaminan makanan,” katanya.

Dato' Tuan Mohd Saripudin

turut melawat projek ternakan lembu fidlot di PKPNK Cattle Farm di Kampung Wek Machang yang diusahakan oleh Aiko Holding dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan.

Menurutnya, projek yang telah beroperasi kira-kira dua tahun itu memainkan peranan penting dalam membekalkan lembu bagi memenuhi permintaan ibadah korban serta keperluan sumber protein harian.

“Secara keseluruhannya terdapat empat kandang yang menempatkan ternakan di projek ini,” jelasnya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu memperkukuh keterjaminan makanan negara, selain menekankan kepentingan usaha meningkatkan bekalan daging tempatan agar tidak terlalu bergantung kepada import.

Jeli Megatrail beri pengalaman mengujakan kepada peserta, kukuhkan ukhuwah – Exco Sukan

Oleh: Asri Hamat

KITA DARULNAIM, 6 Julai – Penganjuran Jeli Megatrail 1.0 2026 memberikan pengalaman yang mengujakan kepada peminat sukan ekstrem apabila peserta berdepan laluan ‘off-road’ yang sukar, curam dan berbatu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, hujan yang turun pada malam sebelum acara turut menjadikan laluan lebih mencabar apabila permukaan trek menjadi licin serta dipenuhi lumpur.

Menurutnya, penganjuran itu membuktikan sukan berkenaan bukan sekadar hobi, sebaliknya memerlukan ilmu serta pengalaman yang tinggi dalam pengendalian kenderaan.

“Program ekstrem sebegini bukan sekadar aktiviti sukan bermotor biasa, malah menjadi medan terbaik untuk menguji kemahiran pemanduan dan kecekapan mengendalikan jentera masing-masing di sepanjang laluan trek yang ekstrem.

“Pada masa sama, cabaran muka bumi di sini benar-benar menuntut ketahanan fizikal dan mental yang tinggi serta keberanian yang luar



biasa untuk menakluk setiap rintangan,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Beliau memaklumkan, setiap pemandu perlu mempunyai keserasian dengan jentera, sentiasa fokus serta bijak membuat jangkaan ketika melalui laluan mencabar.

“Peserta juga perlu menilai keadaan trek dengan teliti sebelum menggerakkan kenderaan bagi mengelakkan sebarang risiko,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur atas kejayaan menganjurkan acara berimpak tinggi itu, selain menghargai semua peserta yang berjaya menamatkan cabaran.

Ujar beliau lagi, pengalaman yang diperoleh sepanjang meredah

trek bukan sahaja memberi kepuasan kepada peserta, malah mewujudkan nilai kebersamaan dan keakraban yang sukar dinilai.

“Apa yang paling mahal, program ini berjaya mengeratkan ukhuwah dan menyuburkan semangat kesetiakawanan yang tinggi dalam kalangan peserta apabila masing-masing saling membantu dan bekerjasama tanpa mengira pasukan sekiranya ada jentera yang menghadapi masalah,” ujarnya.

Menurutnya, peserta membawa pulang pengalaman dan kenangan manis sepanjang berada di bumi Jeli.

Selain itu katanya, penganjuran Jeli Megatrail secara tidak langsung menjadi platform terbaik untuk memperkenalkan keindahan



alam semula jadi Kelantan yang kaya dengan khazanah hutan tropika serta landskap bukit-bukau yang memukau.

Untuk rekod, Ekspedisi Jeli Nature Mega Trail 1.0 Tahun 2026 yang bermula di Gunung Reng, Jeli, menghimpunkan 300 peserta motosikal motocross dan 100 kenderaan pacuan empat roda (4x4) yang mengharungi laluan mencabar menuju ke Campsite Air Naga.

Ekspedisi tersebut membawa para peserta merentasi beberapa lokasi menarik seperti Terowong Emas Kampung Kalai, Sungai Suan dan Gua Stir, sekali gus memberi peluang untuk menikmati sendiri keindahan alam semula jadi serta khazanah warisan geologi yang menjadi kebanggaan daerah Jeli.

30 peserta KYD Bootcamp dilatih kuasai platform jualan digital



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 7 Julai – Sebanyak 30 peserta Kelantan Youth Digitalpreneur (KYD) Bootcamp 2026 berjaya mengikuti latihan intensif yang memberi penekanan kepada penguasaan platform jualan digital seperti TikTok, Instagram dan WhatsApp bagi meningkatkan daya saing mereka sebagai usahawan muda.

Mereka mengikuti kursus tersebut selama tiga hari dua malam di sebuah hotel di sini bermula 4 hing-

ga 6 Julai yang dirasmikan majlis penutup oleh Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad pada Isnin.

Sehubungan itu YB Zamakhshari berkata, ekonomi digital membuka peluang luas kepada anak muda menjana pendapatan tanpa terikat dengan lokasi.

“Kebolehan membaca trend semasa dan beradaptasi dengan perubahan, peluang buat mereka yang celik digital dan berani mengorak



langkah adalah lebih baik berbanding mereka yang masih kekal pada takuk yang lama,” katanya.

Menurutnya, kesungguhan dan komitmen yang dipamerkan sepanjang program membuktikan belia Kelantan mempunyai potensi besar untuk melangkah lebih jauh dalam bidang pemasaran digital.

Tambahnya, sepanjang program, peserta didedahkan dengan latihan praktikal merangkumi pembentukan minda digitalpreneur, analisis produk berpermintaan tinggi, pem-

binaan identiti visual jenama, penguasaan sistem jualan digital serta sesi ‘business pitching’ produk masing-masing.

“Dalam era perubahan yang serba pantas, kita tidak boleh lari daripada teknologi. Penguasaan ilmu pengetahuan mestilah sentiasa dikemas kini agar kita tidak terus ketinggalan.

“Program seperti ini merupakan satu usaha yang sangat baik dalam mempersiapkan modal insan dan usahawan yang berdaya saing,” ujarnya menerusi laman rasmi, semalam.

YB Zamakhshari turut berharap ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang bootcamp itu menjadi pemangkin kepada peserta untuk membina perniagaan sendiri yang berdaya saing serta mampu menembusi pasaran digital pada masa hadapan.

Hak kanak-kanak perlu diperkasa dengan nilai Islam, bukan sekadar hak asasi – Dato’ Mumtaz



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 7 Julai – Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawī menegaskan hak kanak-kanak di Malaysia perlu diperkasa berteraskan nilai Islam yang menyeimbangkan aspek hak, tanggungjawab dan perlindungan, bukannya berlandaskan pendekatan hak asasi semata-mata.

Beliau berkata, hak kanak-kanak menurut Islam merangkumi hak untuk dibesarkan dalam keluarga yang penyayang, menerima pendidikan agama, dibimbing dengan adab, dilatih mendirikan solat, menguasai al-Quran serta dilindungi daripada ancaman dunia digital bagi melahirkan generasi

berakhlak, berilmu dan bertanggungjawab.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Laporan Tahunan SUHAKAM 2025 di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurutnya, Malaysia tidak boleh hanya meniru pendekatan hak asasi dari luar tanpa mengambil kira Perlembagaan Persekutuan, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan serta nilai masyarakat majmuk yang menjadi asas pembentukan negara.

“Hak kanak-kanak menurut Islam bukan sekadar hak untuk bebas daripada penderaan atau diskriminasi, tetapi hak untuk dibesarkan dalam keluarga yang penyayang, mendapat pendidikan agama, dibimbing dengan adab, dilatih mendirikan solat, menguasai al-Quran, dilindungi daripada kerosakan digital serta membesar menjadi insan yang berakhlak, berilmu dan bertanggungjawab,” katanya.

Dato’ Mumtaz menegaskan, prinsip hak asasi perlu diperkukuhkan dengan elemen pembinaan akhlak, kesejahteraan keluarga dan tanggungjawab bersama antara ibu bapa, masyarakat serta kerajaan

dalam membentuk generasi masa depan yang seimbang.

Beliau turut mencadangkan Dasar Kanak-Kanak Negara 2026-2030 disemak secara berkala supaya sentiasa relevan dengan cabaran semasa, khususnya perkembangan kecerdasan buatan (AI), media sosial, buli siber, eksploitasi seksual dalam talian, perjudian digital dan ketagihan gajet.

“Malaysia perlu mempunyai garis panduan penggunaan AI di sekolah serta memastikan platform AI memikul tanggungjawab terhadap keselamatan kanak-kanak,” jelasnya.

Pengamal undang-undang itu turut menegaskan pendidikan agama, akhlak dan adab merupakan hak asasi setiap kanak-kanak yang perlu diperkasakan melalui kerjasama erat antara sekolah, ibu bapa dan agensi berkaitan, termasuk memperkukuh latihan amali solat serta penguasaan al-Quran sejak usia muda.

Selain itu, beliau mencadangkan kawalan lebih berkesan terhadap kandungan media sosial dan televisyen yang boleh memudaratkan perkembangan emosi serta

akidah kanak-kanak, di samping memperluaskan pendidikan literasi media dan keselamatan digital di sekolah.

Dalam perbahasan itu, Dato’ Mumtaz turut menggesa kerajaan memperkukuh pendekatan mesra kanak-kanak dalam siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi latihan khas, penambahbaikan Pusat Temu Bual Kanak-Kanak di setiap negeri serta pendekatan yang lebih berfokus kepada pemulihan trauma mangsa.

Tambahnya, isu buli dan jenayah melibatkan kanak-kanak juga perlu ditangani secara menyeluruh melalui intervensi psikologi, bimbingan agama, pemulihan keluarga dan sokongan komuniti kerana kedua-dua mangsa serta pelaku memerlukan pembelaan dan pemulihan yang sewajarnya.

“Marilah kita membina sebuah ekosistem yang meletakkan kanak-kanak bukan sekadar sebagai penerima hak, tetapi sebagai amanah Allah SWT dan aset strategik negara. Mereka bukan hanya pewaris masa depan Malaysia, bahkan bakal mencorakkan masa depan tamadun,” ujarnya.

140 penerima di DUN Dabong terima bantuan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 6 Julai – Sebanyak 140 penerima di DUN Dabong menerima pelbagai bentuk bantuan Kerajaan Negeri Kelantan merangkumi Maaruf OKU, Bantuan Pesakit Kronik, Skim Bina Usahawan dan Skim Khairat Kifaalah dalam Program Himpunan OKU DUN Dabong yang berlangsung di Medan Ilmu Surau Hijau Gua Ikan, pada 3 Julai

Ahli Dewan Negeri (ADN) Dabong YB Ku Mohd Zaki Ku Husin berkata, penganjuran program tersebut merupakan antara usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam menyantuni rakyat yang memerlukan, termasuk golongan OKU, pesakit kronik, usahawan kecil serta keluarga yang berdepan kehilangan



ahli keluarga.

“Bagi kategori Maaruf OKU, sebanyak 45 penerima telah menerima sumbangan, manakala 58 penerima lagi bagi Bantuan Pesakit Kronik yang bertujuan membantu meringankan beban kos rawatan dan keperluan harian mereka,”

ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam media rasminya, pada Sabtu.

Tambahnya, program tersebut turut menyaksikan 27 waris menerima Skim Khairat Kifaalah sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap keluarga yang kehilan-



gan insan tersayang.

Selain itu, sejumlah 15 peniaga tempatan turut menerima Skim Bina Usahawan sebagai usaha memperkasa ekonomi rakyat dan menggalakkan pertumbuhan usahawan kecil di peringkat akar umbi.

MyCC perlu bebas, berani dan telus **kuat kuasa undang-undang** – Datuk Dr Ahmad Marzuk



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 8 Julai – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) perlu menjadi sebuah institusi yang bebas, berani dan telus dalam menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan persaingan pasaran yang adil serta melindungi kepentingan rakyat.

Ahli Parlimen Pengkalan Chapa

YB Datuk Dr Ahmad Marzuk berkata, MyCC memainkan peranan penting dalam membantaras kartel, monopoli dan penyalahgunaan kuasa pasaran yang bukan sahaja menekan pengguna, malah menutup peluang perusahaan kecil serta menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup.

“Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berperanan memastikan pasaran kekal adil dengan membantaras kartel, monopoli dan penyalahgunaan kuasa pasaran yang menekan pengguna, menutup peluang perusahaan kecil serta meningkatkan kos sara hidup.

“Saya menegaskan MyCC mesti menjadi institusi yang bebas, berani dan telus dalam menguatkuasakan undang-undang tanpa memilih bulu,” katanya menerusi laman sosial, pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas membahaskan Rang Undang-Undang

dang Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 di Dewan Rakyat pada 6 Julai.

Menurutnya, kuasa yang lebih besar kepada MyCC perlu disertai dengan akauntabiliti yang lebih kukuh, termasuk bertanggungjawab kepada Parlimen supaya setiap tindakan dan prestasi suruhanjaya dapat dinilai secara telus.

Datuk Dr Ahmad Marzuk turut menegaskan penguatkuasaan undang-undang persaingan hendaklah dilaksanakan secara adil terhadap semua pihak, termasuk syarikat dominan, syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), tanpa sebarang layanan istimewa.

Menurutnya, MyCC juga perlu lebih proaktif melalui pelaksanaan market review terhadap sektor yang memberi kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat serta menerbitkan laporan kepada umum

bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi itu.

Mengulas cabaran ekonomi digital, beliau berpandangan MyCC perlu diperkasa dengan kepakaran teknologi, analisis data dan forensik digital bagi menangani bentuk baharu penyalahgunaan kuasa pasaran yang melibatkan platform digital dan algoritma.

“Apabila kartel dibiarkan bermaharajalela, yang terjejas ialah keadilan pasaran, dan akhirnya membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa serta rasuah,” ujarnya..

Tambahnya, kejayaan pindaan akta itu seharusnya diukur berdasarkan kebebasan institusi berkenaan untuk melaksanakan tanggungjawab secara adil, telus dan tanpa memilih bulu demi memastikan harga lebih adil, peluang lebih terbuka serta persaingan pasaran yang lebih sihat untuk rakyat.

Karnival Rakyat Prihatin Alam **semai kesedaran pemuliharaan alam** – Datuk Seri Takiyuddin

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 8 Julai - Program Karnival Rakyat Prihatin Alam menjadi medium penting dalam menyemai kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan memulihara alam sekitar, kata Ahli Parlimen Kota Bharu YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Katanya lagi, program yang dianjurkan secara kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan itu memberi makna besar dalam membentuk masyarakat yang lebih prihatin terhadap kebersihan serta pemeliharaan alam sekitar.

Menurutnya, program berkenaan dikendalikan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

“Terlebih dahulu, bagi pihak Parlimen Kota Bharu saya mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada KPKT, MPKB-BRI, agensi-agensi kerajaan persekutuan serta kerajaan negeri yang telah



menjayakan program yang cukup besar ertinya kepada masyarakat, khususnya di bandar Kota Bharu,” katanya ketika merasmikan Program Karnival Rakyat Prihatin Alam, Parlimen Kota Bharu, di pekarangan Masjid Sultan Muhammad II Telipot, di sini, pada Sabtu.

Seterusnya, Datuk Seri Takiyuddin memaklumkan, pihak berkuasa tempatan di bawah penyeliaan KPKT mempunyai agenda besar untuk meningkatkan kesejahteraan warga bandar dalam pelbagai aspek kehidupan, terutama membabitkan kebersihan dan pemuliharaan alam sekitar yang sentiasa diberi penekanan oleh kerajaan.

Jelasnya, program seumpama



ma itu penting bagi menyemai kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab memelihara alam sekitar, selaras dengan tuntutan Islam yang amat menitikberatkan kebersihan.

“Allah SWT turut menjelaskan bahawa kerosakan yang berlaku di muka bumi kebanyakannya berpunca daripada perbuatan manusia, justeru masyarakat perlu memainkan peranan dalam menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

“Contoh amalan baik, penyokong Jepun yang membersihkan stadium selepas perlawanan bola sepak Piala Dunia yang sedang berlangsung membuktikan budaya menjaga kebersihan mampu dipupuk sehingga menjadi ama-

lan masyarakat.

“Walaupun majoriti mereka bukan beragama Islam, mereka menghayati nilai kebersihan yang amat dituntut dalam Islam. Ini adalah contoh yang perlu diambil oleh kita semua, khususnya di Kelantan yang membawa falsafah ‘Membangun Bersama Islam’,” katanya.

Tambahnya, kerjasama antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pemimpin masyarakat, agensi kerajaan serta institusi masyarakat termasuk persatuan penduduk diyakini mampu menjadikan Kelantan sebagai negeri yang mementingkan kebersihan.

“Kalaupun kita tidak mempunyai projek-projek mega yang besar, jika kita dapat muncul sebagai negeri yang diberi pujian dan pengiktirafan kerana mementingkan kebersihan, itu sudah menjadi satu pencapaian yang amat baik.

“Konsep ‘Jumpa Sampah Kutip’ yang diamalkan pada zaman Allahyarham Tok Guru pernah mendapat pujian di seluruh negara. Jika amalan itu diteruskan, ia adalah sesuatu yang cukup baik,” ujarnya.

'U-turn' Melor ditutup demi keselamatan, JKR kaji lokasi baharu – YB Wan Rohimi

Oleh: Syamimi Manah

KETEREH, 8 Julai – Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang mengenal pasti lokasi baharu bagi menggantikan dua persimpangan U-turn di Jalan Persekutuan Peringat-Melor yang ditutup atas faktor keselamatan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Melor YB Wan Rohimi Wan Daud berkata, penutupan persimpangan U-turn di Wakaf Tok Wali dan Peringat dibuat berdasarkan dapatan kajian keselamatan lalu lintas selepas kedua-dua lokasi itu dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi yang telah merekodkan banyak kemalangan sehingga meragut puluhan nyawa serta mengakibatkan kecederaan.

Menurutnya, walaupun memahami keresahan yang disuarakan penduduk Melor berhubung pen-

tupan itu, aspek keselamatan pengguna jalan raya perlu diberikan keutamaan.

"Awal Jun lalu saya berkesempatan mengadakan pertemuan dengan Pengarah JKR Kelantan bagi mendapatkan penjelasan mengenai penutupan U-turn di dua lokasi tersebut.

"Dalam pertemuan itu saya turut memohon agar JKR mempertimbangkan pembukaan persimpangan U-turn baharu sebagai pengganti kepada laluan yang telah ditutup," katanya di laman rasmi, hari ini.

Menurutnya lagi, Pengarah JKR Kelantan memaklumkan bahawa pihaknya sedang menjalankan kajian di beberapa lokasi berhampiran bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk pembukaan U-turn baharu.

Jelasnya, usaha itu bertujuan memastikan keperluan penduduk



dapat dipenuhi tanpa mengabaikan aspek keselamatan pengguna jalan raya.

Beliau turut memaklumkan, isu berkenaan telah dibincangkan bersama Ketua Whip dan Ahli-Ahli Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI) sebelum diangkat ke Mesyuarat Penuh MDKPI serta Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang, Lalulintas dan Kerja-Kerja Am MDKPI.

Tambahnya, kedua-dua mesyuarat

tersebut turut dihadiri Jurutera Daerah dan pegawai JKR Negeri bagi membincangkan langkah penyelesaian terbaik terhadap isu berkenaan.

"Buat masa ini JKR masih dalam kajian bagi mengenal pasti lokasi U-turn yang bersesuaian. Saya berharap sedikit ruang dapat diberikan kepada JKR untuk meneliti sebaik-baiknya isu ini demi keselamatan dan kesejahteraan kita bersama" jelasnya.

23 usahawan IKS Guchil terima bantuan Skim Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan bernilai RM30,000



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 8 Julai – Sebanyak 23 usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di DUN Guchil menerima bantuan menerusi Skim Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan (SGBRK) 2026 melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM30,000 sebagai usaha kerajaan negeri memperkasa usahawan tempatan agar lebih berdaya saing dan mampan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah berkata, skim berkenaan membantu memperkukuh operasi perniagaan

usahawan dan menjadi pemangkin untuk meningkatkan hasil jualan serta mengembangkan perusahaan masing-masing.

Menurutnya, bantuan yang disalurkan kerajaan negeri mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasa sektor usahawan sebagai antara pemacu pembangunan ekonomi rakyat di peringkat akar umbi.

Beliau berkata demikian dalam media rasminya selepas menyampaikan bantuan Skim Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan kepada para penerima di Bilik Mesyuarat Pusat Khidmat ADN Guchil, semalam.

Katanya, para usahawan juga perlu melengkapkan diri dengan



ilmu perniagaan, menguasai strategi pemasaran serta pengurusan kewangan agar mampu menyesuaikan diri dengan perubahan landskap ekonomi yang semakin kompetitif.

"Usahawan perlu berubah mengikut peredaran zaman bagi memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa relevan serta mampu bertahan dalam pasaran yang lebih terbuka dan tanpa sempadan. Hanya peniaga yang berani, kreatif dan mempunyai strategi yang baik mampu meningkatkan jualan serta menarik kepercayaan pelanggan," katanya.

Tambahnya, bantuan yang diberikan diharap dapat menja-

di pembakar semangat kepada para penerima untuk terus memperkukuh perniagaan, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di DUN Guchil.

Beliau turut berharap setiap usahawan memanfaatkan peruntukan yang diterima dengan sebaiknya bagi meningkatkan produktiviti, memperluaskan pasaran dan memperkukuh daya saing perusahaan masing-masing.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar Dato' Md Anizam Ab Rahman atas peruntukan yang disalurkan kepada usahawan IKS di DUN Guchil.

Menurutnya, sokongan berterusan Kerajaan Negeri menerusi Skim Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan membuktikan komitmen dalam membina lebih ramai usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri secara berterusan.

Program pengantarabangsaan platform strategik jaringan pendidikan Islam Kelantan-Thailand

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 7 Julai — Program Pengantarabangsaan Pelajar Sekolah Swasta Aliran Agama Thailand ke Sekolah Yayasan Islam Kelantan menjadi platform strategik dalam memperkukuh jaringan kerjasama pendidikan Islam antara Kelantan dan Thailand, sekali gus membuka ruang kepada perkongsian ilmu, budaya serta pengalaman di peringkat antarabangsa.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad berkata, program itu mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperluas kerjasama pendidikan rentas sempadan bagi melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berdaya saing di peringkat global.

Beliau berkata demikian mewakili Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan



Wan Hamat merasmikan Program Pengantarabangsaan Pelajar Sekolah Swasta Aliran Agama Thailand ke Sekolah Yayasan Islam Kelantan di Dewan Asma' Binti Abu Bakar, Maahad Muhammadi Perempuan, semalam.

Menurutnya yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Perok, hubungan erat antara institusi pendidikan Islam di Kelantan dan Thailand memberi manfaat kepada pelajar dan mengukuhkan ukhuhah serta memperluas jaringan kerjasama akademik antara kedua-dua wilayah.

“Program ini menjadi wadah terbaik untuk memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan Islam kedua-dua negara melalui pertukaran pengetahuan, pengalaman serta penghayatan budaya yang mampu memperkayakan proses pembelajaran para pelajar,” katanya.

Beliau berkata, pendedahan kepada persekitaran pendidikan antarabangsa akan membantu melahirkan modal insan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah memiliki jati diri yang kukuh, berfikiran terbuka dan

mampu bersaing di peringkat global.

Sehubungan itu, beliau berharap jalinan kerjasama antara institusi pendidikan Islam di Kelantan dan Thailand akan terus diperkasakan menerusi pelaksanaan lebih banyak program berimpak tinggi pada masa hadapan.

“Usaha memperluaskan jaringan pendidikan antarabangsa merupakan langkah penting dalam memperkukuh pembangunan modal insan ummah serta memartabatkan pendidikan Islam di persada dunia,” jelasnya.



97 pelajar DUN Temangan terima bantuan kecemerlangan dan sumbangan IPTA/IPTS



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 7 Julai – Sebanyak 97 pelajar menerima Bantuan Pelajar Cemerlang serta Sumbangan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam satu majlis yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Temangan, di sini, semalam.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan merangkap Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato'

Mohamed Fadzli Hassan berkata, inisiatif tersebut merupakan penghargaan kepada pelajar yang berjaya mencatat kecemerlangan akademik, selain membantu meredakan beban kewangan keluarga dalam menghadapi kos melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Menurutnya, pendidikan merupakan pelaburan jangka panjang yang akan menentukan masa depan individu, keluarga dan pamban-



gunan negeri, justeru usaha membantu pelajar perlu terus diperkasakan.

Tambahnya, bantuan yang disalurkan diharap menjadi pembakar semangat kepada para penerima untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, di samping membentuk sahsiah yang mulia serta menjadi insan yang berbakti kepada agama, masyarakat dan negara.

Dalam pada itu, beliau turut

mengingatkan para pelajar supaya sentiasa mengenang pengorbanan ibu bapa yang bertungkus-lumus memastikan anak-anak memperoleh pendidikan yang terbaik.

“Sentiasa ingat penat lelah ibu ayah di kampung yang mahukan anaknya berjaya dan membawa pulang segulung kejayaan,” ujarinya.

Sehubungan itu, beliau berharap semua penerima memanfaatkan bantuan yang diberikan sebaiknya sebagai dorongan untuk terus menuntut ilmu sehingga berjaya mencapai cita-cita masing-masing.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima serta mendoakan agar mereka dikurniakan kejayaan, keberkatan ilmu, dipermudahkan segala urusan sepanjang pengajian dan akhirnya kembali menyumbang bakti kepada agama, masyarakat serta pembangunan negeri Kelantan.

PKPNK-Aiko Holding perluas projek fidlot kepada 220 ekar

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 8 Julai — Projek pembangunan pusat penternakan lembu fidlot hasil kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) dan Aiko Holding di Kampung Wek akan diperluaskan daripada 170 ekar kepada 220 ekar sebagai langkah memperkukuh agenda keterjaminan makanan negeri serta meningkatkan pengeluaran daging tempatan.

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, peluasan projek itu merupakan antara inisiatif strategik kerajaan negeri dalam memperkasa sektor penternakan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan daging import.

Menurutnya, projek yang telah beroperasi hampir dua tahun itu memainkan peranan penting dalam membekalkan ternakan bagi memenuhi permintaan pasaran termasuk keperluan ibadah korban serta sumber protein harian rakyat.



“Usaha seperti ini amat penting supaya bekalan daging tempatan terus meningkat dan kita tidak terlalu bergantung kepada import,” katanya selepas mengadakan lawatan ke PKPNK Cattle Farm, Kampung Wek, semalam.

Beliau berkata, pusat penternakan berkenaan kini dilengkapi empat kandang fidlot yang menjadi antara komponen penting dalam memperkukuh rantai bekalan daging tempatan di Kelantan.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan projek tersebut, khususnya rakan strategik yang bersama-sama menyokong us-

aha Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara.

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor memaklumkan, kawasan tersebut berpotensi menjadi hab pengeluaran makanan berasaskan pertanian dan penternakan yang mampu menyumbang kepada sasaran Kelantan sebagai antara negeri pengeluar makanan utama negara.

“Selain mendengar pembentangan mengenai potensi pusat penternakan lembu ini, kami turut diberi penerangan berhubung peluang ker-



jasama bagi memperkukuh bekalan ayam pedaging sebagai salah satu sumber makanan utama,” katanya.

Beliau berkata, pengalaman selama 36 tahun yang dimiliki pengusaha ternakan ayam pedaging berkenaan menjadi nilai tambah dalam memperkukuh pembangunan industri ternakan negeri.

Tambahnya, kerajaan negeri akan terus memperkasa sektor pertanian dan penternakan bagi membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada rakyat serta memastikan agenda keterjaminan makanan negeri dapat direalisasikan secara mampan.

Generasi muda diseru memanfaatkan teknologi tonjol budaya Kelantan ke persada dunia



Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 6 Julai — Generasi muda diseru memanfaatkan teknologi digital dan media sosial secara kreatif serta berhemah bagi menonjolkan warisan budaya Kelantan kepada masyarakat dunia, sekali gus memastikan khazanah negeri terus lestari dan relevan merentas zaman.

Sehubungan itu, Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyeru anak muda Kelantan yang menguasai teknologi moden memanfaatkannya sebagai medium mempromosikan kesenian, kebu-

dayaan dan identiti negeri ke peringkat antarabangsa.

“Gunakanlah kelebihan ini untuk memperkenalkan budaya Kelantan kepada dunia dengan cara yang kreatif, berhemah dan bermaruah.

“Rakamkan keindahan seni tradisional, ceritakan sejarah permainan rakyat, promosikan makanan tradisional dan perkenalkan kraf tangan tempatan.

“Jadikan media digital sebagai jambatan yang menghubungkan warisan Kelantan dengan masyarakat dunia supaya khazanah kita bukan sahaja dilihat, tetapi turut dihargai,” katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Program Pelancongan Budaya: Festival Kesenian Rakyat Kelantan (FKRK) 2026 di Jeti Pelancongan Tok Bali, di sini, pada Sabtu.

Menurutnya, masyarakat khususnya golongan muda perlu mempelajari, menghayati dan mewarisi kebudayaan serta kesenian negeri bagi memastikan warisan tersebut terus dipelihara.

Katanya, warisan budaya hanya akan terus hidup sekiranya ada generasi yang sanggup mempelajari, mengamalkan dan mewariskannya

kepada generasi akan datang.

“Justeru, saya ingin mengajak seluruh masyarakat, khususnya anak-anak muda, agar melihat warisan budaya bukan sebagai sesuatu yang lapuk atau ketinggalan zaman.

“Sebaliknya, warisan inilah yang membezakan kita daripada bangsa-bangsa lain. Dalam dunia yang semakin global, identiti tempatan menjadi semakin bernilai dan perlu terus dibanggakan,” jelasnya.

Beliau juga memaklumkan, usaha memartabatkan warisan budaya melalui platform digital dapat memelihara identiti negeri dan berpotensi menjana peluang ekonomi baharu menerusi sektor pelancongan, industri kreatif dan perusahaan budaya.

Katanya, penglibatan aktif generasi muda dalam mempromosikan warisan negeri akan memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan budaya yang unik di peringkat nasional dan antarabangsa.

Tradisi Bubur Asyura terus dipelihara menerusi penglibatan komuniti OKU

Oleh: Syamimi Manah

BACHOK, 6 Julai – Tradisi memasak Bubur Asyura terus dipelihara menerusi penglibatan aktif komuniti orang kurang upaya (OKU) bersama masyarakat setempat dalam Program Kacau Bubur Asyura anjuran Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Negeri Kelantan (MPPOK) 2026.

Program tersebut berlangsung di Surau An-Nur, Pusat Pemulihan OKU Kampung Aur, Telong, di sini, pada Ahad.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, penganjuran program itu menghidupkan warisan masyarakat Melayu dan menjadi platform memperkukuhkan semangat kebersamaan, kesukarelawanan dan ukhuwah antara komuniti OKU, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta penduduk setempat.

Beliau memaklumkan, program



berkenaan menyaksikan penyediaan dua kawah Bubur Asyura hasil semangat gotong-royong apabila satu kawah disediakan oleh penduduk Kampung Aur, manakala satu lagi merupakan kerjasama antara MPPOK dan Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI).

“Program ini cukup bermakna kerana menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat untuk berganding bahu menjayakan tradisi yang menjadi warisan turun-temurun.

“Inilah indahnya apabila mas-

yarakat saling membantu tanpa mengira latar belakang, sekali gus menyemarakkan nilai perpaduan dan kasih sayang dalam komuniti,” katanya di laman rasmi, semalam.

Menurutnya lagi, pemilihan Pusat Pemulihan OKU Kampung Aur sebagai lokasi penganjuran turut memberi makna tersendiri kerana mencerminkan komitmen kerajaan negeri dan masyarakat dalam meraikan serta mendekati komuniti OKU.



Tambahnya, program seumpama itu turut membuka ruang kepada agensi kerajaan, NGO dan masyarakat untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama dalam melaksanakan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada MPPOK, Persatuan INSANI, jawatankuasa Surau An-Nur, penduduk Kampung Aur dan semua sukarelawan yang bertungkus-lumus menjayakan program tersebut.

Exco Pelancongan santuni pelancong China cedera kemalangan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 6 Julai — Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan pelancong asing terus dizahirkan apabila Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor menyantuni lima pelancong dari China yang terlibat dalam kemalangan jalan raya di Hospital Machang, semalam.

Schubungan itu, Datuk Kamarudin berkata, kunjungan tersebut bertujuan meninjau sendiri keadaan mangsa yang sedang menerima rawatan, di samping memberikan sokongan moral kepada mereka dan keluarga.

Menurutnya, kemalangan yang berlaku di Kilometer 41, Jalan Kota Bharu-Kuala Krai pada 2 Julai lalu melibatkan lima warga China selepas kenderaan yang dinaiki dipercayai tersalah memasuki laluan projek pembinaan yang masih belum dibuka kepada orang awam sebaik selesai menghadiri satu majlis perayaan di Temangan.

“Kesemua mangsa mengalami kecederaan dengan dua orang sedang menerima rawatan di Hospital Machang, manakala tiga lagi dirawat di Hospital Kuala Krai,” katanya melalui media sosial, pada Ahad.

Dalam perkembangan ber-

kaitan, beliau memaklumkan dua daripada mangsa kemudiannya dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan lanjut, manakala dua lagi telah dibenarkan pulang selepas keadaan mereka disahkan stabil.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pengarah Hospital Machang Dr. Izhar Shah Mohd Aseri, Pegawai Perubatan, Dr. Ahmad Aizudin Daud serta seluruh petugas kesihatan atas kecekapan dan layanan profesional yang diberikan sepanjang proses rawatan.

“Saya berharap semua mangsa diberikan kesembuhan segera,

dipermudahkan urusan rawatan serta dapat kembali menjalani kehidupan seperti biasa,” katanya.

Beliau memuji tindakan segera dan layanan profesional yang diberikan kepada mangsa mencerminkan komitmen kerajaan negeri serta petugas kesihatan dalam menjaga kebajikan pelancong.

Menurutnya lagi, keprihatinan terhadap pelancong asing merupakan antara elemen penting dalam memperkukuh imej Kelantan sebagai destinasi pelancongan yang mesra, selamat dan prihatin, sekali gus meningkatkan keyakinan pelawat antarabangsa terhadap negeri ini.



Lebih 1,000 sertai Kuala Krai Night Walk 2026

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 6 Julai — Lebih 1,000 peserta menyertai Kuala Krai Night Walk 2026, sekali gus menyemarakkan budaya gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat sempena Majlis Penutup Program Cakna Alam Sekitar dan Kesihatan Masyarakat Kuala Krai di Taman Chintawangsa, di sini, semalam.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pengajuran program itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri memperkasa agenda Kelantan Sihat, Kelantan Hijau dan Kelantanku Bersih melalui pmbudayaan amalan hidup sihat.

Menurutnya, program berjalan santai tersebut merupakan aktiviti riadah bersama keluarga yang menjadi medium mendidik masyarakat supaya mengamalkan gaya hidup aktif secara konsisten.

“Sebenarnya kita tidak semestinya perlu menjadi atlet untuk hidup sihat, namun kita akan kekal sihat jika kita istiqamah berjalan kaki setiap hari,” katanya menerusi hantaran di media sosial rasmi, hari ini.

Beliau berkata, kajian perubahan



menunjukkan amalan berjalan kaki pantas selama 30 hingga 45 minit sehari mampu mengurangkan risiko penyakit jantung antara 20 hingga 30 peratus, selain membantu mengawal tekanan darah serta diabetes melalui peningkatan sensitiviti insulin.

“Amalan ‘brisk walk’ juga dapat membantu membakar antara 150 hingga 300 kalori sejam, di samping memberi manfaat kepada kesihatan mental dengan mengurangkan tekanan dan keresahan, selain menguatkan tulang serta mengurangkan risiko strok, demensia dan nyanyuk,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau merujuk dapatan National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 yang menunjukkan 29.9 peratus rakyat Malaysia masih tidak aktif secara

fizikal, bersamaan hampir tiga daripada setiap sepuluh orang dewasa tidak mencapai tahap aktiviti fizikal yang disarankan.

Menurutnya, keadaan itu boleh meningkatkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti hipertensi, diabetes, kolesterol tinggi dan obesiti sekiranya tidak ditangani secara berkesan.

Beliau memaklumkan, agenda Kelantan Sihat turut dilaksanakan seiring usaha memperluas inisiatif Kelantan Hijau dan Kelantanku Bersih melalui kerjasama pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan serta pelbagai agensi berkaitan.

“Kerajaan negeri akan terus memperluaskan pelaksanaan program kesihatan, kempen kebersihan

dan penghijauan, di samping menambah kemudahan taman rekreasi serta laluan pejalan kaki khususnya di kawasan bandar bagi menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup aktif,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Daerah Kuala Krai selaku penganjur, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), agensi kerajaan, pasukan keselamatan, sukarelawan serta seluruh warga Kuala Krai yang menjayakan Program My Local Agenda 21.

Beliau berharap Kuala Krai Night Walk menjadi pencetus kepada pembudayaan berjalan kaki sebagai amalan harian, sekali gus melahirkan masyarakat yang lebih sihat, cergas dan sejahtera.

218 armalah Cina, India DUN Kota Lama terima sumbangan kerajaan negeri



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 6 Julai – Sebanyak 218 armalah daripada masyarakat Cina dan India di Dewan Negeri (DUN) Kota Lama menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Kelantan dalam satu majlis yang diadakan di Pusat Khidmat Masyarakat DHPP, Jalan Kebun Sultan, di sini, semalam.

Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Pusat Khidmat DUN Kota Lama Dato' Sr Zamri Ismail bersama Penyelia DUN Kota Lama Ir Nor Shakiman Muhammad.

Pada majlis itu juga turut disampaikan cek kifalah kepada enam wasi warga emas yang meninggal dunia.

Dato' Sr Zamri yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) berkata, program berkenaan adalah sebahagian daripada skim kebajikan Kerajaan Kelantan yang dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Beliau berharap sumbangan tersebut dapat membantu meringankan beban penerima dalam keadaan ekonomi semasa yang semakin mencabar.

“Walaupun keadaan ekonomi hari ini begitu dirasakan dengan harga barang yang tidak sama seperti dahulu dan semuanya meningkat, ia memerlukan kebijaksanaan para armalah dalam mengurus perbelanjaan keluarga.

jaan keluarga.

“Kita juga perlu mendidik anak-anak supaya tidak boros berbelanja dan mengelakkan pembelian barangan yang tidak berfaedah,” katanya.

Beliau turut menegaskan, kerajaan negeri sentiasa berlaku adil kepada rakyat dalam menyalurkan bantuan tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit.

Kenyataan itu disokong Ir Nor Shakiman yang menegaskan, pihak DUN Kota Lama sentiasa memberi perhatian kepada semua rakyat berdasarkan kelayakan dan keperluan mengikut kewajaran.

“Kita akan beri apa yang sepatutnya kita beri kepada rakyat ber-

dasarkan kelayakan dan keperluan,” katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri turut menyediakan pelbagai skim kebajikan kepada rakyat bermula dari kelahiran sehingga meninggal dunia, seperti Skim Cakna Aulad, Skim Gerbang Azziwaj, sumbangan pendidikan, bantuan penyakit kronik, kifalah dan banyak lagi.

Menurutnya lagi, bagi bantuan penyakit kronik, pihaknya akan turun ke rumah pesakit untuk menyantuni mereka tanpa mengira kaum di samping mengenal pasti keperluan lain seperti keadaan tempat tinggal yang memerlukan bantuan.

“Kita akan bantu walaupun tidak banyak, tetapi sekurang-kurangnya dapat meringankan beban yang mereka hadapi,” jelasnya.

Beliau berharap rakyat, khususnya penduduk DUN Kota Lama, terus memberikan sokongan kepada usaha kerajaan negeri dalam membina masyarakat yang harmoni serta saling mengenali antara satu sama lain.

25,612 komuniti bersama PDRM pertingkat keselamatan Kuala Krai

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 5 Julai – Penyer-taan sebanyak 25,612 komuniti dalam Volunteer Smartphone Patrol (VSP) menjadi indikator jelas kerjasama erat antara masyarakat dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha mempertingkatkan tahap keselamatan di daerah Kuala Krai.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pencapaian tersebut membuktikan kepercayaan tinggi rakyat terhadap PDRM serta komitmen bersama dalam memastikan persekitaran yang lebih selamat dan sejahtera.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Keluarga IPD Kuala Krai Tahun 2026 yang turut menampilkan pencapaian besar IPD Kuala Krai dalam memperkukuh agenda keselamatan komuniti melalui program VSP, pada 3 Julai.

Menurutnya, jumlah 25,612 pendaftaran VSP setakat 2 Julai



2026 mencerminkan penglibatan aktif masyarakat dalam membantu pihak berkuasa mencegah jenayah serta mempercepatkan penyampaian maklumat di lapangan.

“Keselamatan bukan lagi tanggungjawab polis semata-mata, tetapi tanggungjawab bersama. Melalui VSP, setiap telefon pintar menjadi alat penting untuk menyalurkan maklumat dengan lebih pantas dan berkesan,” katanya di laman rasmi, pada Jumaat.

Tambahnya, pendekatan VSP turut mengukuhkan konsep ‘polis dan masyarakat berpisah tiada’ yang menjadi asas kepada pem-

bentukan komuniti selamat dan responsif terhadap isu jenayah.

Dalam masa sama, YB Hilmi Abdullah turut mengaitkan usaha tersebut dengan aspirasi menjadikan Kuala Krai sebagai Bandar Selamat 2026/2027, selari dengan pengiktirafan daerah itu sebagai Bandar Paling Bahagia Malaysia 2025, manakala Dabong pula dinobatkan sebagai Bandar Paling Bahagia 2026.

Tambahnya, kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan PDRM dan pihak berkuasa tempatan bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif Bandar Selamat



termasuk penambahbaikan infrastruktur keselamatan, pemasangan CCTV, pencahayaan awam, pengurusan landskap serta program kesedaran komuniti.

Beliau turut menyeru penduduk yang belum menyertai VSP agar segera mendaftar bagi memperluas jaringan keselamatan komuniti di seluruh Kuala Krai.

“Apabila masyarakat, agensi kerajaan dan PDRM bergerak seiring, kita bukan sahaja mampu mengurangkan risiko jenayah, malah membina sebuah daerah yang lebih aman, harmoni dan sejahtera,” jelasnya.

Kain sarung lambang identiti wanita Melayu – YB Nor Asilah



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 5 Julai – Kain sarung, pakaian tradisional yang melambangkan identiti, kesederhanaan dan warisan budaya wanita Melayu perlu terus dipelihara sebagai warisan negara.

Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zin berkata, pemilihan kain sarung sebagai tema program mencipta kelainan yang unik justeru mampu memugarkan warisan masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai se-

jarah dan budaya.

“Budaya kain sarung merupakan sebahagian daripada warisan masyarakat Melayu yang melambangkan kesederhanaan, kesopanan dan identiti budaya. Kain sarung bukan sekadar pakaian tradisional bahkan mempunyai nilai sejarah dan fungsi dalam kehidupan seharian” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Nisa’ Sarung Walk 2026 yang berlangsung di Masjid Kampung Kubang Sawa dengan penyertaan kira-kira 300 peserta yang berjalan sejauh 3.5



kilometer menyusuri kawasan sawah padi bermula seawal pukul 6.30 pagi, semalam.

Menurutnya, program berkenaan turut membuktikan warisan budaya mampu dipelihara melalui pendekatan yang santai dan dekat dengan masyarakat, di samping menggalakkan amalan hidup sihat.

“Saya berharap program seperti ini dapat menjadi pemangkin kepada lebih ramai masyarakat untuk menjadikan aktiviti riadah sebagai rutin harian demi kesejahteraan hidup.” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada Pertubuhan Nisa’ Kelantan selaku penganjur utama serta semua pihak termasuk Masjid Kampung Kubang Sawa, penghulu kampung, agensi terlibat, jawatankuasa pelaksana, sukarelawan dan peserta yang bersama-sama menjayakan program tersebut.

YB Nor Asilah turut mengingati khususnya golongan wanita agar sentiasa mengutamakan aspek keselamatan ketika melakukan aktiviti berjalan kaki atau beriadah.

“Pilihlah laluan yang selamat, terang dan mempunyai kehadiran orang ramai supaya aktiviti riadah dapat dilakukan dengan lebih selesa dan selamat.” katanya.

Program Nisa’ Sarung Walk menyaksikan peserta hadir dengan pelbagai gaya pemakaian kain sarung yang kreatif, sekali gus menyerlahkan keunikan warisan Melayu dalam suasana riadah bersama komuniti.

1,000 peserta jayakan Fun Walk Pengkalan Kubor

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 5 Julai – Penyertaan kira-kira 1,000 peserta dalam Program Fun Walk Pengkalan Kubor membuktikan sambutan menggalakkan masyarakat terhadap aktiviti yang mempromosikan gaya hidup sihat di Pengkalan Kubor.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, beliau berkesempatan membuat pelepasan para peserta serta turut menyertai program berjalan kaki sejauh empat kilometer yang bermula dari Kompleks Imigresen Pengkalan Kubor hingga ke Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor pada 1 Julai lalu.

Menurutnya, program yang disertai penduduk Pengkalan Kubor itu turut menarik penyertaan masyarakat dari Bachok, Kota Bharu dan beberapa jajahan lain di Kelantan.

“Hampir 1,000 peserta menyertai program ini, sekali gus membuktikan komitmen masyarakat dalam mengamalkan gaya hidup sihat di samping mengeratkan ukhuwah dan silaturahim,” katanya di laman



sosial, pada Jumaat.

Program tersebut merupakan anjuran Majlis Daerah Tumpat dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN Pengkalan Kubor dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dato' Wan Roslan turut merakamkan penghargaan kepada semua peserta, urus setia, penaja serta semua pihak yang bertungkus-lumus menjayakan program berkenaan.

Beliau berharap penganjuran

program seumpama itu dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai platform membudayakan amalan hidup sihat, memperkukuh perpaduan serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

Rakan Lestari Bunut Payung bantu MPKB-BRI jaga kebersihan, alam sekitar



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 5 Julai – Dewan Negeri (DUN) Bunut Payung melalui Jawatankuasa Penduduk (JKP) menubuhkan Rakan Lestari Bunut Payung sebagai inisiatif sukarelawan bagi membantu usaha menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar di kawasan DUN berkenaan.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payung YB Shaari Mat Yaman memaklumkan, Rakan Lestari Bunut Payung dikendalikan oleh Pusat Khidmat

DUN (PKD) Bunut Payung.

Menurutnya, inisiatif itu diwujudkan bagi membantu melaksanakan kerja pembersihan di lokasi yang memerlukan perhatian segera sekiranya pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) tidak berkesempatan berbuat demikian.

“Insya Allah kita mulakan di bawah JKP Bunut Payung dalam kawasan MPKB dan akan bergerak dari satu tempat ke satu tempat di dalam DUN Bunut Payung.

“Kita melihat MPKB-BRI juga

memerlukan kerjasama masyarakat dalam menjaga kebersihan. Menjaga kebersihan adalah tanggungjawab bersama, manakala MPKB-BRI menjalankan tugasnya sebagai pihak berkuasa tempatan.”

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Karnival Rakyat Prihatin Alam anjuran Jawatankuasa Penduduk Bunut Payung, Parlimen Kota Bharu, di kawasan lapang Masjid Sultan Muhammad II, Telipot, di sini, semalam.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Ahli Parlimen Kota Bharu

YB Dato' Seri Takiyuddin Hassan.

Kata YB Shaari lagi, peserta Rakan Lestari Bunut Payung terdiri daripada Rakan DUN, Rakan Mukim, sukarelawan, penerima bantuan mesin rumput, peserta Ladang Rakyat serta wakil jabatan dan agensi kerajaan.

Tambahnya, lokasi gotong-royong akan dikenal pasti mengikut keperluan sebelum kerja pembersihan dilaksanakan secara berperingkat di kawasan lain.

“Ini bukan kerja harian dan bukan untuk mengambil alih tugas MPKB-BRI, sebaliknya bertujuan membantu serta bersama-sama menjaga alam sekitar,” jelasnya.

Operasi gotong-royong oleh Rakan Lestari Bunut Payung akan dilaksanakan secara berkala atau mengikut jadual pada setiap Jumaat mengikut zon, dengan setiap aktiviti disertai tiga hingga lima penerima sumbangan mesin rumput.

Musibah uji pesakit dan seluruh keluarga – Datuk Dr Ahmad Marzuk

Oleh: Syamimi Manah

PENGKALAN CHEPA, 7 Julai – Musibah yang menimpa seseorang individu memberi kesan kepada pesakit dan turut mengubah keseluruhan kehidupan dan peranan setiap ahli keluarga yang terlibat.

Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Dr Ahmad Marzuk Shaary berkata, setiap kali berpeluang turun ke lapangan, perkara paling jelas yang dilihat ialah kesan sesuatu musibah melibatkan seluruh ekosistem keluarga dan bukan tertumpu kepada seorang sahaja.

Menurutnya, apabila seorang anggota keluarga yang selama ini menjadi tempat bergantung hilang keupayaan untuk bekerja, tanggungjawab baharu akan dipikul oleh pasangan serta ahli keluarga lain yang perlu menyesuaikan kehidupan dengan keadaan semasa.

“Apabila musibah menimpa sebuah keluarga, yang berubah bukan hanya seorang pesakit. Seluruh ekosistem keluarga berubah,” ka-



tanya di laman rasmi, pada Ahad.

Beliau berkata demikian setelah turun bersama Skuad Kita Cakna DUN Chempaka menziarahi rakyat yang diuji dengan musibah dalam DUN berkenaan pada Ahad.

Dato’ Dr Ahmad Marzuk berkata, golongan yang sering terlepas daripada perhatian ialah anak-anak yang membesar dalam suasana penuh cabaran selepas keluarga berdepan ujian.

Katanya, terdapat anak-anak yang lebih awal mengenal erti kesukasan, memahami pengorbanan ibu bapa dan terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan kehidupan yang berlaku.

Beliau berkata, situasi berkenaan menunjukkan isu seperti kos sara hidup, sistem kesihatan, kebajikan dan dasar awam yang dibincangkan akhirnya kembali kepada satu institusi utama iaitu keluarga.

“Di sebalik setiap keputusan yang dibuat, ada keluarga yang sedang berusaha untuk terus bertahan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Skuad Ziarah Muslimat DUN Chempaka yang terus melaksanakan kerja kebajikan dengan mengenal pasti keluarga yang memerlukan perhatian, mengikuti perkemban-

gan mereka serta memastikan tiada yang terpinggir daripada keprihatinan masyarakat.

Tambahnya, ukuran sebenar sebuah masyarakat bukan hanya pada kemajuan yang dicapai ketika semua berada dalam keadaan baik, tetapi pada kesanggupan menjaga keluarga yang sedang melalui hari-hari sukar dalam kehidupan.

“Barangkali di situlah ukuran sebenar sebuah masyarakat. Bukan pada kemajuan yang mampu dibina ketika semua berada dalam keadaan baik, tetapi pada kesanggupan menjaga sebuah keluarga yang sedang melalui hari-hari paling sukar,” katanya.



52 anak yatim DUN Tawang disantuni melalui SPY



Oleh: Irham Hilmi Hashim

BACHOK, 7 Julai – Sejumlah 52 anak yatim daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) di DUN Tawang menerima sumbangan menerusi Skim Pendidikan Yatim (SPY) sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri Kelantan membantu golongan yang memerlukan dalam meneruskan pendidikan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Tawang YB Harun Ismail berkata, Skim Pendidikan Yatim merupakan antara inisiatif kebajikan Kerajaan Negeri yang diwujudkan bagi memastikan kebajikan anak-anak yatim terus diberi perhatian,

khususnya mereka yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah.

Menurutnya, kerajaan negeri sentiasa berusaha menyantuni setiap lapisan masyarakat bermula daripada bayi, kanak-kanak, pasangan yang baru berkahwin, suri rumah, usahawan, golongan dhuafa dan warga emas menerusi pelbagai skim kebajikan yang diperkenalkan.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi hari ini berhubung Majlis Penyampaian Skim Pendidikan Yatim yang berlangsung di Dewan Terbuka Kompleks Masjid Darut-tarbiyah, Kampung Wakaf Zin, Ta-



wang, semalam.

Tambahnya, antara skim yang dilaksanakan termasuk Skim Gerbang Az-Ziwaaj, Kifaalah, Cakna Aulad, Cakna Suri serta pelbagai lagi inisiatif yang dirangka bagi memenuhi keperluan rakyat mengikut kelompok sasaran masing-masing.

“Semua skim tersebut merupakan bantuan secara ‘one-off’ (sekali beri) dan bukannya bantuan bulanan, namun ia mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam meringankan beban rakyat serta memastikan kebajikan mereka terus terbela,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau mengin-

gatkan para penerima agar sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah SWT kerana terpilih menerima bantuan yang disediakan.

Menurutnya, rasa syukur bukan sekadar diungkapkan dengan lisan, sebaliknya perlu dizahirkan melalui ketaatan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sehubungan itu, beliau berharap sumbangan yang disampaikan dapat dimanfaatkan sebaiknya bagi membantu keperluan pendidikan anak-anak yatim, sekali gus menjadi suntikan semangat kepada mereka untuk terus menimba ilmu dan mencapai kejayaan pada masa hadapan.

Beliau turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan terus komited memperkasakan agenda kebajikan yang menyeluruh agar manfaatnya dapat dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat tanpa ada golongan yang tercicir daripada perhatian.

K-Smart Farm Demonstration Project guna teknologi moden penternakan ayam

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Julai - K-Smart Farm Demonstration Project, hasil kerjasama Malaysia-Korea mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan industri penternakan ayam moden menerusi penggunaan teknologi serta sistem penternakan yang lebih cekap.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek itu memfokuskan kepada pembangunan industri penternakan ayam secara moden dan berteknologi.

"Ladang ini mampu menempatkan sekitar 20,000 ekor ayam dalam satu-satu masa dengan penggunaan sistem penternakan IoT yang lebih cekap, tersusun dan mesra biosekuriti.

"Semoga projek seperti ini terus menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor penternakan negara, sekali gus membantu men-



ingkatkan produktiviti, jaminan bekalan makanan serta pendapatan pengusaha tempatan," katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Terdahulu beliau bersama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Vet-

erinar Negeri Kelantan Dr Yahasmida Yaacob dan wakil Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah berkesempatan mengadakan lawatan ke projek berkenaan di Jedok, Tanah Merah.

K-Smart Farm Demonstration Project merupakan projek kerjasama Malaysia-Korea yang memberi tumpuan kepada pembangunan industri penternakan ayam menggunakan teknologi moden.

Kelantan ada rekod tadbir urus yang wajar dihormati – YB Abdul Latiff

Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 9 Julai – Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman menegaskan Kelantan mempunyai rekod tadbir urus yang wajar dihormati selama hampir 36 tahun ditadbir oleh kerajaan yang sama tanpa berdepan skandal rasuah besar melibatkan kepimpinan tertinggi kerajaan negeri.

Beliau berkata rekod tersebut mencerminkan integriti pentadbiran, disiplin kewangan serta hubungan erat antara kerajaan dengan rakyat yang sewajarnya dijadikan contoh, bukannya dipandang sebelah mata atau dijadikan sasaran serangan politik.

Beliau berkata demikian ketika menjawab isu yang dibangkitkan Ahli Parlimen Jelutong YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji dan Ahli Parlimen Kampar YB Chong Zhemini berhubung indeks jenayah di Kelantan di Dewan Rakyat, semalam.

YB Abdul Latiff mengingatkan semua pihak agar berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan yang



boleh membina persepsi negatif terhadap negeri dan rakyat Kelantan.

Menurutnya, kritikan terhadap dasar kerajaan negeri adalah perkara biasa dalam sistem demokrasi, namun tuduhan yang tidak disokong oleh fakta dan data rasmi adalah tidak adil serta boleh mencemarkan imej negeri.

"Data rasmi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia perlu dijadikan rujukan, bukannya sentimen politik atau persepsi media sosial. Jangan kerana perbezaan politik, seluruh rakyat Kelantan dihukum

dengan label yang tidak tepat," jelasnya.

Beliau turut menegaskan, isu jenayah merupakan tanggungjawab nasional yang melibatkan agensi penguatkuasaan di bawah Kerajaan Persekutuan dan tidak wajar dipertanggungjawabkan kepada kerajaan negeri semata-mata.

Menurutnya lagi, jika kadar jenayah dijadikan ukuran untuk menyalahkan kerajaan negeri, maka pendekatan yang sama juga perlu digunakan terhadap semua negeri tanpa mengira parti yang mentadbir.

YB Abdul Latiff memaklumkan, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah mengeluarkan kenyataan media bagi menjawab dakwaan yang dibangkitkan sebelum ini dan sedang meneliti tindakan undang-undang terhadap pihak yang didakwa mengeluarkan tuduhan berniat jahat sehingga mencemarkan imej serta reputasi negeri.

"Kalau benar mahu membina Malaysia yang lebih baik, marilah kita menilai negeri berdasarkan fakta, bukan fitnah. Berdasarkan data, bukan sentimen. Jenayah perlu ditangani dengan penguatkuasaan yang berkesan, rasuah perlu dibanteras di mana sahaja ia berlaku, dan integriti mesti dihormati tanpa mengira warna politik," tegasnya.

Beliau turut menggesa semua pihak agar menghormati konsep federalisme serta hubungan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan dengan menilai prestasi sesebuah negeri secara adil, berasaskan fakta dan statistik yang sahih demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan negara.



Generasi muda diseru memanfaatkan teknologi tonjol budaya Kelantan ke persada dunia

Pendaftaran KFLA 2026 dibuka, platform lahir pemimpin mahasiswa masa depan - Exco Belia

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 9 Julai – Pendaftaran bagi Program Kelantan Future Leaders Academy (KFLA) 2026 kini dibuka, sekali gus memberi peluang kepada pemimpin mahasiswa anak Kelantan dari seluruh negara menyertai platform pembangunan kepimpinan anjuran Kerajaan Negeri.

Demikian kenyataan Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad di media rasminya, semalam.

Menurutnya, ilmu kepimpinan merupakan satu seni yang perlu dipelajari, diasah dan dipupuk secara berterusan.

“Sering kali kita beranggapan bahawa pemimpin dilahirkan dan bukannya dibentuk. Namun, realitinya setiap kemahiran boleh dipelajari dan setiap potensi mampu dikembangkan melalui pendedahan serta latihan yang sesuai.

“Justeru, Kerajaan Negeri mem-



bawakan program khas ini kepada pemimpin mahasiswa anak Kelantan yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) serta kolej-kolej, sama ada di dalam mahupun di luar negeri,” jelasnya.

Katanya lagi, penganjuran KFLA 2026 turut membuka ruang kepada mahasiswa untuk menimba ilmu, memperluaskan jaringan hubungan sesama pemimpin ma-

hasiswa dan mencabar potensi diri dalam suasana yang kondusif.

Tambahnya, Kelantan tidak pernah ketandusan tokoh dan pemimpin berkualiti, malah generasi mahasiswa hari ini merupakan pelapis yang bakal menyambung legasi kepimpinan negeri pada masa hadapan.

Program KFLA 2026 dijadual berlangsung selama empat hari bermula 16 hingga 19 Ogos depan di The Rhu Beach Resort, Tumpat.

Dalam pada itu, YB Zam-



akhshari mengajak pemimpin mahasiswa anak Kelantan merebut peluang menyertai program berkenaan bagi memperkasakan diri dan meningkatkan kualiti kepimpinan.

“Jika anda ingin menjadi pemimpin yang lebih berkualiti, membina rangkaian bersama pemimpin mahasiswa, menimba ilmu daripada tokoh berpengalaman serta mencabar potensi diri, maka KFLA 2026 adalah tempat yang tepat,” katanya.

Aduan penduduk Kampung Bakat diberi perhatian, isu bekalan air antara keutamaan



Oleh: Syamimi Manah

RANTAU PANJANG, 9 Julai – Aduan penduduk Kampung Bakat terus diberi perhatian dengan isu bekalan air dikenal pasti sebagai antara keutamaan yang akan dibawa kepada pihak berkaitan bagi tindakan susulan demi memastikan kebajikan serta keselesaan penduduk sentiasa terpelihara.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Perioik YB Kamaruzaman Mohamad berkata, perkara itu dib-



angkitkan oleh penduduk ketika beliau menyantuni masyarakat di Kampung Bakat bagi mendengar sendiri suara serta permasalahan yang dihadapi mereka.

Menurutnya, selain isu bekalan air, beberapa aduan lain turut dikemukakan oleh penduduk yang memerlukan perhatian serta penyelesaian daripada agensi berkaitan.

“Antara isu yang dibangkitkan ialah masalah bekalan air serta beberapa aduan lain yang memerlukan

perhatian. Insya Allah, setiap aduan yang diterima akan dibawa kepada pihak berkaitan untuk tindakan susulan demi memastikan kebajikan dan keselesaan penduduk sentiasa terpelihara,” katanya di laman rasmi, semalam.

Menurutnya, pendekatan turun padang secara berterusan membolehkan wakil rakyat mendengar sendiri pandangan rakyat serta mengenal pasti isu sebenar yang memerlukan tindakan segera.

Katanya lagi, maklum balas yang diterima daripada penduduk akan dijadikan asas untuk mengangkat setiap permasalahan kepada agensi berkaitan agar penyelesaian dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

“Terima kasih kepada seluruh penduduk Kampung Bakat atas sambutan yang mesra serta perkongsian pandangan. Semoga segala urusan dipermudahkan dan Kampung Bakat terus maju, aman serta sejahtera,” ujarinya.

Beliau berharap kerjasama erat antara masyarakat, wakil rakyat dan agensi kerajaan dapat diteruskan bagi memastikan setiap isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan, sekali gus meningkatkan kesejahteraan penduduk Kampung Bakat.